

Headline **20 anak yatim lawat zoo**
Date **05 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **19**
Article Size **100 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,477**
PRValue **4,431**



RAIKAN...penuntut UUM berinteraksi dengan anak yatim ketika melawat Zoo Negara, semalam.

20 anak yatim lawat zoo

KUALA LUMPUR: Berbe-kal semangat mahu meng-gembirakan golongan me-merlukan, 25 penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dan Pentadbiran Per-niagaan, Universiti Utara Ma-laysia (UUM) sepakat mem-bawa sekumpulan anak yatim ke Zoo Negara.

Dinamakan 'Hore-Hore Zoo Negara Bersama Anak Yatim Kawasan Ampang' program khidmat masyara-kat itu berjaya mengumpul

20 anak yatim berusia tujuh hingga 12 tahun dengan ker-jasama Wanita Perkim ca-wangan Hulu Klang.

Pengerusi program, Mohd Redzuan Ruzali berkata, ob-jektif program ialah untuk memberi khidmat masyara-kat kepada mereka yang me-merlukan di samping ber-peluang berkongsi pengala-man, memberi nasihat dan motivasi bagi kanak-kanak berkenaan meneruskan ke-hidupan seperti biasa.